

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
KETERANGAN MENGENAI
MAJLIS KONVOKESYEN KE-38 (TAHUN 2014)

1. Tarikh Majlis Konvokesyen

- 1.1 Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-38 akan diadakan di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS), UPM pada:

Tarikh: 1 hingga 4 November 2014
Hari/Sesi: Sabtu, Ahad, Isnin dan Selasa (4 hari/8 sesi)

Graduan boleh menyemak sebarang maklumat dari semasa ke semasa mengenai Majlis Konvokesyen termasuk susunan graduan mengikut program dan sesi (rujuk **Lampiran 1 (A&B)**) melalui laman web rasmi Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik: <http://www.akademik.upm.edu.my> atau di talian **03-8946-6060/6026/6141/6193/6059/6250/6054/7820/7821, 03-8947-1464/2022**.

2. Kehadiran Graduan

- 2.1 Sebagaimana termaktub dalam Acara Konvokesyen UPM, Ijazah dan Diploma hendaklah biasanya dikurniakan hanya kepada graduan yang hadir pada sesuatu Konvokesyen dengan syarat bahawa Senat, boleh dalam keadaan luar biasa, memutuskan supaya sesuatu Ijazah atau Diploma dikurniakan tanpa hadir.
- 2.2 Graduan hendaklah mematuhi arahan kehadiran yang telah ditentukan mengikut sesi yang ditetapkan.
- 2.3 **Graduan tidak dibenarkan menangguhkan Majlis Konvokesyen ataupun mewakikan kepada orang lain bagi menghadiri Majlis Konvokesyen.**

3. Yuran Graduan

- 3.1 Semua graduan Ijazah Lanjutan, Ijazah Bacheloer dan Diploma (sepenuh masa/ separuh masa, PJJ / eksekutif) diwajibkan membayar yuran graduan sebanyak **RM200.00** (Ringgit Malaysia: Dua ratus sahaja). Yuran ini diwajibkan bagi semua graduan sama ada yang akan menghadiri Majlis Konvokesyen atau sebaliknya.
- 3.2 Graduan yang **akan** menghadiri Majlis Konvokesyen hendaklah menjelaskan yuran **selewat-lewatnya dua (2) hari** sebelum mengambil pakaian akademik dengan kaedah pembayaran seperti berikut:
- a) Bayaran boleh dibuat di mana-mana kaunter cawangan CIMB bank ke akaun **UPM COLLECTION**, No Akaun **8002155042** dan graduan diwajibkan menyerahkan salinan pendua slip bayaran tersebut di Kaunter Bendahari III atau scan dan emel kepada bursar.student_ug@upm.edu.my atau bursar.student_pg@upm.edu.my.
- b) Bayaran melalui **internet banking CIMB Clicks** bagi pemegang akaun CIMB samada pelajar atau pun ahli keluarga yang membuat bayaran melalui modul **Bill Payment → Education → Universiti Putra Malasia Kampus Serdang**. Manual bagi bayaran secara internet banking boleh dirujuk melalui url berikut:-
http://www.bursar.upm.edu.my/dokumen/90032_Manual_CIMBClicks.pdf.

[Sila pastikan anda memilih "**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS SERDANG**" ketika membuat pilihan penerima bayaran].

- c) Bayaran melalui **Kad Debit, Kad Kredit (Visa / Mastercard) dan Bankcard (ATM Card)** juga boleh dilakukan di **Kaunter Bendahari III di Tingkat Bawah, Bangunan Pentadbiran, UPM.**
- d) Bayaran melalui **Kad Kredit OnLine**. Sila *Download* dan lengkapkan borang yang boleh dilayari melalui url http://www.bursar.upm.edu.my/dokumen/90032_directdebit.pdf dan fakskan borang berkenaan ke nombor faks: 03-89472048 atau emelkan kepada bursar.student_ug@upm.edu.my atau bursar.student_pg@upm.edu.my.

[Bayaran melalui kad kredit secara online hendaklah dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum mengambil pakaian akademik]

3.3 Berikut merupakan **PERINGATAN** tentang proses bayaran:

- a) Cara bayaran yang **TIDAK DIBENARKAN** ialah melalui:-
 - i. Fund Transfer dalam internet banking CIMB Clicks
 - ii. Cash Deposit Machine (CDM)
 - iii. Tunai/Cash
- b) Graduan **DILARANG** MENGHANTAR SLIP BAYARAN BANK MELALUI **POS** bagi mengelakkan dokumen tersebut hilang atau tidak dapat dikesan,

3.4 Bagi graduan yang **tidak** menghadiri Majlis Konvokesyen, yuran graduan boleh dibayar pada bila-bila masa (waktu bekerja) di Kaunter Bendahari III (Tingkat Bawah, Bangunan Pentadbiran, UPM). Skrol/Transkrip graduan hanya akan dikeluarkan selepas tarikh konvokesyen dan segala yuran yang terlibat dijelaskan (**yuran graduan, yuran pengajian, denda & saman lalulintas dll**), jika ada.

4. Kajian Pengesanan Graduan

Graduan juga dikehendaki melengkapkan **Kajian Pengesanan Graduan 2014 Secara 'On-line'** bermula **03 Oktober 2014 (Jumaat)** melalui sistem kajian seperti berikut:

Sistem Kajian Pengesanan Graduan (Kementerian Pendidikan Malaysia)
(Laman Web: <http://graduan.moe.gov.my> atau <http://graduat.moe.gov.my>)

** Sila cetak **Slip Pengesahan di laman terakhir** borang kajian dan bawa bersama semasa minggu pengambilan jubah akademik untuk disemak dan disahkan di kaunter semakan (Kaunter CEM). **Kegagalan graduan mengemukakan slip pengesahan ini akan menyebabkan kerumitan semasa berurusan sepanjang minggu konvokesyen berlangsung.***

Jika menghadapi sebarang kerumitan semasa melengkapkan kajian sila hubungi **En. Zulkifli Mohammad di talian **03 - 8947 1409***

5. Pinjaman dan Pemulangan Pakaian Akademik

5.1 Graduan hendaklah terlebih dahulu:

- a) membayar yuran graduan berdasarkan kaedah pembayaran yang dihuraikan seperti di item 3.2 di atas.

- b) **melengkapkan borang pinjaman pakaian akademik** secara 'online' melalui portal pelajar di dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP) di menu 'Mykonvokesyen' (borang pakaian akademik) dengan menggunakan pelayar IE atau Mozilla Firefox sahaja. (Google Chrome tidak dibenarkan)
 - c) mencetak dan membawa bersama borang pinjaman pakaian akademik (yang telah dilengkapkan dan **diberikan status 'BERJAYA' dalam 'semak permohonan'** pada borang pakaian akademik di bawah menu Mykonvokesyen SMP) semasa mengambil pakaian akademik di Kampus Akademik Pusat, UPM pada tarikh yang ditetapkan.
 - d) **menghubungi pihak Bendahari** sekiranya sistem memaparkan "**TIDAK BERJAYA**" dalam tempoh satu (1) hari selepas permohonan pinjaman pakaian akademik melalui SMP di talian 03-8946 4156/4161/6215/6225 untuk mengetahui permasalahan berkaitan.
- 5.2 Pakaian akademik graduan yang akan menghadiri Majlis Konvokesyen hendaklah dipinjam dari Universiti adalah seperti berikut:
- a) bagi graduan Lulusan Ijazah dan Ijazah Bacelor adalah jubah (warna *maroon*), *hood* (mengikut warna rasmi fakulti) dan *mortar board*;
 - b) bagi graduan Diploma adalah jubah (warna *maroon*) dan *mortar board*.
- 5.4 Graduan diminta memastikan:
- a) jubah program pengajian adalah betul iaitu sama ada jubah Ijazah Lanjutan, Ijazah Bacelor atau Diploma;
 - b) *hood* yang diterima adalah betul dengan warna Fakulti;
 - c) pakaian akademik yang diterima berada dalam keadaan baik dan sempurna.
- 5.5 **Graduan tidak dibenarkan meminda atau mengubah suai mana-mana bahagian pakaian akademik yang dipinjam.**
- 5.6 **Urusan Peminjaman/Pemulangan Pakaian Akademik** akan dilaksanakan di Kompleks Akademik Pusat, UPM sebagaimana berikut:

Tarikh	Masa	Graduan Yang Terlibat
25–30 Oktober 2014 (Sabtu – Khamis)	8.30 pagi hingga 4.30 petang	Semua Graduan Pastikan graduan melalui semua Kaunter yang disediakan oleh Urus Setia bagi mengelakkan sebarang masalah ketika menyertai Majlis Konvokesyen kali ke 38 berlangsung.

- 5.7 Pakaian akademik yang dipinjam hendaklah dikembalikan semula mulai **1 November 2014** (Sabtu – selepas sesi pertama majlis) hingga selewat-lewatnya pada **8 November 2014 (Sabtu)** di Kompleks Akademik Pusat, UPM.

(Sila rujuk tarikh dan masa pemulangan pakaian akademik yang disertakan di dalam album/skrol semasa hari konvokesyen).

- 5.8 Bayaran denda akan dikenakan pada graduan yang lewat memulangkan pakaian akademik **mulai 10 November 2014 (Isnin)** iaitu **RM10.00 sehari pertama** selepas tarikh akhir pemulangan dan ditambah **RM5.00 bagi setiap hari berikutnya**. Bayaran denda hendaklah dibuat di Kaunter Pelanggan Bendahari III, Tingkat Bawah, Bangunan Pentadbiran, UPM dan resit bayaran hendaklah dikemukakan semasa memulangkan pakaian akademik.
- 5.9 Pihak Universiti tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerosakan atau kehilangan pakaian akademik yang dipinjam oleh graduan.
- 5.10 Jika pakaian akademik yang dipinjam itu **rosak** atau **hilang**, bayaran akan dikenakan dan skrol/transkrip tidak akan dikeluarkan sehingga bayaran tersebut dijelaskan. Kadar bayarannya adalah seperti berikut:

Program	Jumlah Bayaran (RM)			
	Jubah	Hood	Mortar Board	Bonnet
Ijazah Bachelor	280.00	35.00	50.00	-
Diploma	150.00	-	50.00	-
Master	400.00	35.00	50.00	-
PhD	750.00	35.00	-	75.00

6. Pakaian Semasa Menghadiri Majlis Konvokesyen

- 6.1 Panduan berpakaian Graduan yang menghadiri Majlis Konvokesyen adalah seperti berikut (rujuk contoh di **Gambarajah 1 dan 2**):-

Wanita:

- baju kurung moden/traditional/pakaian kebangsaan/*Pantsuit*/skirt labuh hingga buku lali dan blaus lengan panjang bertutup hingga ke leher dan seterusnya memakai pakaian akademik.
- Skirt pendek adalah TIDAK DIBENARKAN.**
- Pakaian yang menutup muka adalah TIDAK DIBENARKAN.**
- Warna pakaian adalah bebas.
- Bagi yang memakai tudung, dicadangkan agar menggunakan tudung warna cerah supaya mudah disesuaikan dengan warna *hood* fakulti masing-masing.
- Graduan wanita yang memakai sarung tangan hendaklah memakai pada **kedua-dua belah tangan**.
- Kasut hendaklah berwarna gelap dan bertutup pada bahagian hadapan dan belakang.**
- Kasut sukan/sandal/kasut yang terbuka di belakang/kasut berwarna cerah atau putih adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

Lelaki:

- a) Kemeja lengan panjang berkolar, berseluar *slack* berwarna gelap, bertali leher dan memakai kot, atau lengkap memakai *Lounge Suit* berwarna gelap, berstoking dan berkasut **gelap** dan seterusnya memakai pakaian akademik.
- b) **Seluar jeans dan seluar pendek TIDAK DIBENARKAN.**
- c) **Kasut sukan/sandal/kasut berwarna cerah atau putih TIDAK DIBENARKAN.**
- d) **Potongan rambut perlulah pendek dan kemas.**

6.2 Majlis Konvokesyen ini adalah satu upacara rasmi Universiti. Graduan diingatkan supaya mematuhi peraturan pakaian seperti dinyatakan di atas. **Graduan yang TIDAK MEMATUHI peraturan pakaian TIDAK AKAN DIBENARKAN masuk, berarak atau naik ke pentas untuk upacara pengurniaan Ijazah Lanjutan, Ijazah Bacheloer dan Diploma.**

7. Kad Jemputan

- 7.1 Kad jemputan dan arahan lain hanya akan diedarkan semasa graduan/wakil graduan meminjam pakaian akademik.
- 7.2 Pihak Universiti tidak bertanggungjawab atas kehilangan kad jemputan yang telah diedarkan dan kad yang hilang tidak akan diganti.
- 7.3 Setiap graduan akan diberikan **satu (1)** kad jemputan untuk dua orang tetamu graduan bagi menghadiri Majlis Konvokesyen di Dewan Pusat Kebudayaan dan Keseniaan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS).

8. Majlis Taklimat dan Raptai Konvokesyen

8.1 Majlis Taklimat dan Raptai Konvokesyen akan diadakan di Pusat Kebudayaan dan Keseniaan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah seperti maklumat berikut:

Tarikh	Perkara	Masa
29 Oktober 2014 (Rabu)	Graduan untuk sesi 1,2,3 dan 4 (rujuk Lampiran 1A)	9.00 pagi hingga 12.00 tengahari
	Graduan untuk sesi 5,6,7 dan 8 (rujuk Lampiran 1B)	2.30 petang hingga 5.00 petang

- 8.2 Semua graduan dikehendaki menghadiri taklimat dan raptai ini supaya lebih memahami acara yang akan dijalankan pada hari Konvokesyen.
- 8.3 **Pihak Universiti boleh menghalang mana-mana graduan yang tidak menghadiri Majlis Taklimat dan Raptai Konvokesyen daripada menyertai Majlis Konvokesyen UPM Ke-38.**

9. Pakir Ibu bapa

Perhatian kepada ibu bapa dan graduan yang menyertai Majlis Konvokesyen dikehendaki meletak kenderaan di tempat meletak kenderaan yang disediakan oleh pihak Keselamatan UPM (rujuk **di Lampiran 4**)

UPM mempunyai lorong khas untuk laluan basikal di dalam kampus. Mohon kerja sama ibu bapa dan graduan untuk tidak meletak kenderaan di lorong laluan basikal berkenaan bagi melancarkan urusan lalu lintas di dalam kampus.

10. Perarakan Graduan

10.1 Sesi Pagi

Graduan yang hadir untuk sesi pagi hendaklah berkumpul di tempat letak kereta Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM selewat-lewatnya pada **jam 7.30 pagi**. Perarakan graduan akan bermula pada **jam 8.00 pagi**.

10.2 Sesi Petang

Graduan yang hadir untuk sesi petang hendaklah berkumpul di tempat letak kereta Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM selewat-lewatnya pada **jam 1.45 tengah hari** tersebut. Perarakan graduan akan bermula pada **jam 2.10 petang**.

Surau disediakan di Bangunan Pentadbiran dan di sisi kiri dan kanan Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah selain dari Masjid UPM untuk memudahkan graduan beragama Islam menunaikan solat fardu Zohor.

10.3 Graduan diingatkan supaya berkumpul pada masa dan tempat yang telah ditetapkan. Bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas menuju ke kampus, graduan diminta mematuhi arahan-arahan yang diberikan kelak oleh pegawai-pegawai bertugas.

10.4 Graduan diingatkan tidak membawa beg tangan atau barang-barang berharga semasa berkumpul untuk sesi perarakan graduan bagi mengelakkan kehilangan dan masalah timbul semasa sesi perarakan graduan.

10.5 **Graduan yang lewat tidak dibenarkan masuk bagi menyertai Majlis Konvokesyen.**

10.6 Ibu bapa dan tetamu dinasihati untuk bersarapan terlebih dahulu sebelum masuk ke dalam dewan bagi memastikan tidak berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini.

10.7 Ibu bapa dan tetamu **tidak dibenarkan membawa masuk jambangan bunga atau cenderamata** ke dalam dewan kerana ia akan mengganggu kedudukan tetamu yang lain.

10.8 Graduan kelainan upaya (mengandung, cacat atau kecederaan) yang memerlukan bantuan peralatan seperti kerusi roda atau pembantu diminta memaklumkan kepada pihak **Urus Setia Majlis Konvokesyen di talian 03-89466026/1464**.

10.9 Graduan perlu mematuhi semua peraturan dan arahan dari pegawai petugas semasa majlis berlangsung.

10.10 **Graduan dan tetamu graduan tidak dibenarkan meninggalkan Dewan sehingga majlis selesai.**

11. Peraturan Tetamu Graduan untuk masuk ke Dewan

- 11.1 Pakaian - Tetamu Lelaki : Kebangsaan/*Lounge Suit* /Batik/Tertib
Songkok bagi **Sesi 1 dan Sesi 3**

- Tetamu Wanita: Kebangsaan/Sopan
- 11.2 Tetamu graduan boleh memasuki Dewan Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah melalui pintu-pintu yang ditetapkan oleh pegawai petugas.
- 11.3 Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun, **tidak dibenarkan** masuk ke dalam Dewan Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM semasa Majlis Konvokesyen berlangsung.
- 11.4 Telefon bimbit dan alat kelui hendaklah dimatikan atau berada dalam mode senyap kerika upacara berlangsung.
- 11.5 Bagi tujuan memudahkan aliran pergerakan tetamu, dan para graduan masuk dan ketika berada didalam Dewan Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM. Sila rujuk Pelan Dewan berkenaan di **Lampiran 5**.

12. Cara Pengurniaan

- 12.1 Kedudukan barisan dan susunan graduan sepanjang majlis berlangsung akan ditentukan oleh pihak Jawatankuasa/Urus Setia/Petugas.
- 12.2 Graduan akan menerima album/skrol secara individu di atas pentas samada daripada DYMM Tuanku Canselor atau Pro Canselor.

13. Mengambil Skrol/Transkrip Ijazah, Bacelor dan Diploma

Graduan boleh mengambil skrol/transkrip Ijazah Lanjutan, Ijazah Bacelor atau Diploma sebaik sahaja sesi konvokesyen selesai tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 13.1 Graduan mestilah menunjukkan resit bayaran yuran graduan sebagai bukti yang yuran tersebut telah dijelaskan;
- 13.2 Graduan perlu memulangkan pakaian akademik yang dipinjam dari Universiti. Borang permohonan skrol/transkrip hanya akan diedarkan kepada graduan yang telah memulangkan pakaian akademik bagi urusan pengambilan skrol/transkrip.
- 13.3 Bagi graduan program Ijazah Bacelor dan Diploma UPM Serdang, skrol/transkrip mereka boleh diambil di Kompleks Akademik Pusat, UPM, pada tarikh-tarikh yang ditetapkan. Sila rujuk makluman yang dimuatkan dalam album dan skrol selepas majlis pengurniaan/penyampaian Ijazah Bacelor dan Diploma.
- 13.4 Bagi graduan program Ijazah Lanjutan/PJJ/Eksekutif, skrol/transkrip mereka boleh diambil dari Sekolah Pengajian Siswazah, *UPM Education & Training Sdn. Bhd.* atau Unit Program Eksekutif Fakulti berkenaan.
- 13.5 Graduan yang masih berhutang dengan UPM/*UPM Education & Training Sdn. Bhd.*/ Unit Program Eksekutif Fakulti berkenaan hendaklah **menjelaskan hutang** bagi mengeluarkan skrol/transkrip Ijazah Bacelor atau Diploma. Sila kembalikan

resit/surat pengesahan daripada pihak berkenaan yang menyatakan hutang telah dijelaskan.

- 13.6 Sekiranya graduan tidak dapat datang mengambil sendiri skrol/transkrip Ijazah Lanjutan, Ijazah Bacelor atau Diplamanya, boleh melantik wakil untuk mengambil skrol/transkrip Ijazah Lanjutan, Ijazah Bacelor atau Diploma dengan syarat:

Graduan hendaklah memberi surat kuasa yang ditandatangani kepada wakil tersebut. Surat kuasa hendaklah dialamatkan kepada Ketua Pentadbiran Akademik dan Antarabangsa, Bahagian Urus Tadbir Akademik, UPM dengan menyatakan nama, nombor kad pengenalan dan salinan fotokopi kad pengenalan wakil yang dilantik itu. Syarat-syarat di atas (13.1 hingga 13.6) juga perlu dipenuhi sebelum skrol/transkrip Ijazah Lanjutan, Ijazah Bacelor atau Diploma diserahkan kepada wakil.

Bagi graduan program EKSEKUTIF, surat kuasa hendaklah dialamatkan kepada Unit Program Eksekutif Fakulti yang berkenaan dengan menyatakan nama, nombor kad pengenalan wakil dan salinan fotokopi kad pengenalan yang dilantik.

- 13.7 Pihak UPM tidak bertanggungjawab sekiranya skrol/transkrip yang dituntut oleh graduan/wakil graduan berkenaan hilang atau rosak.

14. Lain-lain Maklumat:

- 14.1 **Tarikh-tarikh penting** yang berkaitan dengan graduan untuk Majlis Konvokesyen Ke-38 UPM (2014) (**Lampiran 2**).

- 14.2 **Senarai semak** untuk membantu graduan melaksanakan perkara yang diperlukan bagi memastikan Majlis Konvokesyen berjalan lancar (**Lampiran 3**).

- 14.3 **Arahan dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM):**

Mesyuarat Penyelarasan Mengenai Integrasi Sistem Pengambilan dan Penempatan Graduan Pendidikan di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 19 Ogos 2014, semua graduan Pendidikan dikehendaki untuk mendaftar di JobsMalaysia melalui url www.jobsmalaysia.gov.my bagi tujuan penempatan graduan pendidikan oleh pihak KPM.

Kerjasama para graduan mematuhi atur cara dan maklumat konvokesyen ini adalah diharapkan bagi memastikan Majlis Konvokesyen UPM Ke- 38 berjalan lancar. Sebarang pertanyaan, sila hubungi talian telefon berikut: 03-8946 6060/6026

The English Version Notice on the 38th Convocation Ceremony may be accessed at www.akademik.upm.edu.my

**Bahagian Urus Tadbir Akademik
Universiti Putra Malaysia
Serdang Selangor**

LAMPIRAN 1A

**BAHAGIAN AKADEMIK
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
SUSUNAN GRADUAN MAJLIS KONVOKESYEN UPM KE-38**

Sesi 1 (Sabtu) 1 November 2014 – Pagi	Sesi 2 (Sabtu) 1 November 2014 – Petang
<p>Nama Program</p> <p>Doktor Falsafah (A ke L) SPS - 153 Master Sains Veterinar 4 Master Komunikasi Korporat 59 Master Kejuruteraan Air 14 Master Sains - FBMK, INSPEM, 18 Master Perancangan Dan Respon Kecemasan 6 Bacelor Sains Senibina 1 Doktor Perubatan Veterinar 77 Bacelor Sains Pertanian 120 Bacelor Sains Perhutanan 12 Bacelor Kejuruteraan (Proses Dan Makanan) 37 Bacelor Pendidikan (Pendidikan Jasmani) 31 Bacelor Sains (Kepujian) – Matematik 50 Bacelor Sastera (Bahasa Asing) 9 Bacelor Muzik (Persembahan Muzik) 11 Bacelor Sains (Sains Bioperubatan) 55 Bacelor Sains (Bioteknologi) 8 Bacelor Pengurusan Alam Sekitar 37 Diploma Kejuruteraan Pertanian UPMKB - 13</p>	<p>Nama Program</p> <p>Master Sains - FS,IBS 92 Master Keselamatan Proses Dan Pencegahan Kehilangan 39 Master Kesusasteraan Dunia 17 Master Pengurusan Perladangan 10 Master Pengurusan Teknologi Alam Sekitar 17 Master Pengurusan 7 Doktor Perubatan 105 Bacelor Ekonomi 92 Bacelor Sains (Kepujian) Kimia 39 Bacelor Sains (Kepujian) Biologi 54 Bacelor Kejuruteraan (Awam) 49 Bacelor Kejuruteraan (Aeroangkasa) 30 Bacelor Sains Komputer 167 Bacelor Pendidikan (Sains Rumahtangga) 41 Bacelor Sastera (Bahasa Inggeris) 7 Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan UPMKB - 27</p>
Jumlah	Jumlah
715	793
Sesi 3 (Ahad) 2 November 2014 – Pagi	Sesi 4 (Ahad) 2 November 2014 – Petang
<p>Nama Program</p> <p>Doktor Falsafah (M ke Z) 189 Doktor Falsafah PBS 14 Master Perubatan Veterinar 5 Master Statistik Gunaan 15 Master Pendidikan 123 Master Sains - FEM, IG 42 Bacelor Perakaunan 94 Bacelor Sains Dan Teknologi Makanan 76 Bacelor Sains (Kepujian) – Instrumentasi 34 Bacelor Kejuruteraan (Sistem Komputer Dan Komunikasi) 36 Bacelor Pend. (Peng. B. Inggeris Sebagai B. Kedua) 19 Bacelor Sains (Kesihatan Persekitaran Dan Pekerjaan) 37 Bacelor Komunikasi 15 Bacelor Sains (Perniagaantani) 46 Bacelor Sains (Pembangunan Manusia & Teknologi Maklumat) 23 Diploma Perikanan UPMKB - 25</p>	<p>Nama Program</p> <p>Master Sains - FK, FSPM (Bintulu), FPP, FSKTM, FP 202 Master Teknologi Makanan 22 Master Kejuruteraan Alam Sekitar 37 Master Inovasi dan Rekabentuk Kejuruteraan 17 Master Kejuruteraan Lebuhraya & Pengangkutan 30 Master Penderiaan Jauh & Sistem Maklumat Geografi 22 Master Senibina Landskap 9 Bacelor Sains Teknologi Kayu 31 Bacelor Pertanian (Akuakultur) 44 Bacelor Sains (Kepujian) - Kimia Petroleum 55 Bacelor Sains Dengan Pendidikan (Kepujian) – Fizik 19 Bacelor Kejuruteraan (Mekanikal) 42 Bacelor Pend. (Peng. Bahasa Malaysia Sbg. Bahasa Pertama) 51 Bacelor Sains (Pembangunan Sumber Manusia) 13 Bacelor Sains Dan Teknologi Alam Sekitar 71 Bacelor Sains Bioindustri 78 Diploma Pertanian UPMKB - 50</p>
Jumlah	Jumlah
793	793

**BAHAGIAN AKADEMIK
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
SUSUNAN GRADUAN MAJLIS KONVOKESYEN UPM KE-38**

Sesi 5 (Isnin) 3 November 2014 – Pagi	Sesi 6 (Isnin) 3 November 2014 – Petang
<p>Nama Program</p> <p>Master Sains Komputer 88 Master Sains – FSTM, INTROP, FEP, FPAS, ITA, IKDPM 81 Bacelor Sains Hortikultur 48 Bacelor Kejuruteraan (Elektrik Dan Elektronik) 50 Bacelor Sains (Pemakanan Dan Kesihatan Komuniti) 55 Bacelor Senibina Landskap 24 Bacelor Reka Bentuk (Seni Bina) 5 Bacelor Reka Bentuk (Reka Bentuk Perindustrian) 3 Bacelor Pendidikan (Bimbingan Dan Kaunseling) 25 Bacelor Senibina 24 Bacelor Sains (Kepujian) - Kimia Perindustrian 58 Bacelor Sains Dgn Pendidikan (Kepujian- Matematik) 46 Bacelor Sains (Pengajian Makanan) 79 Bacelor Sains (Pembangunan Manusia dan Pengurusan) 64 Bacelor Pentadbiran Perniagaan 103 Bacelor Sastera (Kesusasteraan Inggeris) 1 Bacelor Sastera (Bahasa Asing) UPEFBMK - 1 Diploma Pengurusan Perladangan Makanan UPMKB - 38</p>	<p>Nama Program</p> <p>Master Sains – FBSB, FPSK, FPV, IPSAS 99 Master Ekonomi 53 Master Sains Pertanian 1 Master Linguistik Terapan 55 Master Pembangunan Sumber Manusia 46 Master Pengurusan Sumber Tanah 11 Master Kesusasteraan Melayu 3 Master Sastera 35 Bacelor Pertanian (Sains Ternakan) 45 Bacelor Sains (Kepujian) – Fizik 51 Bacelor Sains (Kepujian) – Sains Bahan 40 Bacelor Kejuruteraan (Kimia) 44 Bacelor Pendidikan (Sains Pertanian) 60 Bacelor Pendidikan (Pendidikan Moral) 25 Bacelor Sastera (Kesusasteraan Melayu) 1 Bacelor Sastera (Bahasa dan Linguistik Melayu) PJJ -168 Diploma Perhutanan UPMKB - 56</p>
Jumlah 793	Jumlah 793
Sesi 7 (Selasa) 4 November 2014 – Pagi	Sesi 8 (Selasa) 4 November 2014 – Petang
<p>Nama Program</p> <p>Master Pentadbiran Perniagaan 263 Master Kesihatan Awam 7 Master Sains - ITMA 14 Master Pendidikan(Pentadbiran Pendidikan) PJJ - 118 Master Kejuruteraan Sistem Pembuatan PJJ - 19 Master Pengurusan Kejuruteraan PJJ - 15 Master Bahasa Melayu PJJ - 20 Bacelor Kejuruteraan (Pertanian Dan Biosistem) 39 Bacelor Sains Dengan Pendidikan (Kepujian) – Biologi 1 Bacelor Sains (Pembangunan Sumber Manusia) PJJ -161 Bacelor Sains (Pembangunan Manusia) PJJ - 21 Bacelor Sastera (Bahasa dan Linguistik Melayu) UPEFBMK -13 Bacelor Komunikasi PJJ - 27 Bacelor Pentadbiran Perniagaan UPEFEP - 24 Bacelor Perakaunan UPEFEP - 40 Bacelor Sains (Kepujian) -Biokimia FBSB - 3 Bacelor Sains (Kepujian) -Mikrobiologi FBSB - 3 Diploma Belia Dalam Kerja Pembangunan 5</p>	<p>Nama Program</p> <p>Doktor Falsafah – GS25761 1 Master Sains –FH, FRSB, IPPH 54 Master Sains – PBS 3 Master Patologi 3 Master Kejuruteraan Struktur dan Pembinaan 33 Master Kejuruteraan Sistem Pembuatan 50 Master Alam Sekitar 59 Master Bahasa Melayu 23 Master Pengurusan Kejuruteraan 89 Master Pembangunan Sumber Manusia PJJ - 80 Master Pend. (Peng. B. Melayu Sbg. B. Pertama) PJJ - 28 Master Komunikasi Korporat PJJ - 24 Bacelor Sains (Dietetik) 26 Bacelor Sains (Pembangunan Manusia) 74 Bacelor Pengajian Pengguna 56 Bacelor Pend. (Peng. B. Inggeris Sbg. B. Kedua) PJJ - 9 Bacelor Pentadbiran Perniagaan PJJ - 66 Bacelor Sastera (Bahasa dan Linguistik Melayu) 3 Bacelor Sastera (Bahasa Inggeris) PJJ - 5 Bacelor Komunikasi UPEFBMK – 20 Bacelor Sains (Kepujian)- Statistik 54 Diploma Perniagaantani UPMKB – 34</p>
Jumlah 793	Jumlah 793


Singkatan:

SPS : Sekolah Pengajian Siswazah
FS : Fakulti Sains
PBS : *Putra Business School*
PJJ : Pengajian Jarak Jauh
UPMKB : UPM Kampus Bintulu

Sandwich : Program Berkembar KPM/UPM
FBSB : Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul
UPEFEP : Unit Program Eksekutif, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
UPEFBMK : Unit Program Eksekutif, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Gambarajah 2

CONTOH PAKAIAN DAN CARA BERPAKAIAN



GRADUAN WANITA

LAMPIRAN 2

**TARIKH – TARIKH PENTING
MAJLIS KONVOKESYEN UPM KE-38 TAHUN 2014**

Bil.	Perkara	Tarikh
1.	Pengambilan pakaian akademik oleh graduan	25–30 Oktober 2014 (Sabtu – Khamis)
2.	Raptai Majlis Konvokesyen untuk pegawai	28 Oktober 2014 (Selasa, 9:00 pagi)
3.	Raptai Graduan Majlis Konvokesyen untuk : a. graduan Sesi 1 - 4 jam 9.00 hingga 12.00 pagi; b. graduan sesi 5 - 8 jam 2.30 hingga 5.00 petang	29 Oktober 2014(Rabu)
4.	Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM KE- 38	31 Oktober hingga 5 November 2014 (Jumaat – Rabu)
5.	Majlis Konvokesyen UPM Ke-38	1 - 4 November 2014 (Sabtu – Selasa)
6.	Raptai Majlis Konvokesyen Putra Business School (PBS) dan Raptai Majlis Konvokesyen Program Kerjasama UPM-IPTS	5 November 2014(Rabu) 9.00 hingga 11.00 pagi
7.	Majlis Konvokesyen <i>Putra Business School (PBS)</i> dan Program Kerjasama UPM-IPTS– sesi petang	5 November 2014(Rabu)
8.	Pemulangan pakaian akademik dan pengambilan sijil & transkrip akademik oleh graduan di Kompleks Akademik Pusat.	1 - 8 November 2014 (Sabtu – Sabtu)
9.	Bayaran denda lewat memulangkan pakaian akademik.	mulai 10 November 2014
10.	Pemulangan pakaian akademik dan pengambilan sijil & transkrip di Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik, Tingkat 1, Bangunan Pentadbiran, UPM.	mulai 10 November 2014

MAJLIS KONVOKESYEN UPM KE-38
SENARAI SEMAKAN GRADUAN

Graduan adalah diminta mengambil ingatan dengan memastikan:

1.	()	menerima, membaca dan memahami buku Keterangan Mengenai Majlis Konvokesyen UPM Ke-38.								
2.	()	melengkapkan Kajian Pengesanan Graduan 2014 dan cetak Slip Pengesahan di laman terakhir borang kajian dan bawa bersama semasa pengambilan jubah akademik untuk disemak dan disahkan di kaunter semakan (Kaunter CEM).								
3.	()	menyemak bayaran yuran/denda yang masih tertunggak dan menjelaskan selewat-lewatnya pada dua (2) hari sebelum mengambil pakaian akademik.								
4.	()	membuat bayaran yuran graduan dengan menggunakan Slip Bank kepada UPM COLLECTION atau melalui CIMBClicks selewat-lewatnya dua (2) hari sebelum mengambil pakaian akademik atau tujuh(7) hari sebelum mengambil pakaian akademik sekiranya membuat bayaran dengan menggunakan Kad Kredit								
5.	()	melengkapkan borang pinjaman pakaian akademik secara 'online' melalui portal pelajar di dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP) di menu 'Mykonvokesyen' (borang pakaian akademik) dan mencetak borang yang telah diisi.								
6.	()	mencetak dan membawa bersama borang pinjaman pakaian akademik (yang telah dilengkapkan dan diberikan status 'BERJAYA' dalam 'semak permohonan' pada borang pakaian akademik di bawah menu Mykonvokesyen SMP) semasa mengambil pakaian akademik di Kampus Akademik Pusat, UPM pada tarikh yang ditetapkan.								
7.	()	bawa salinan Slip Bank atau transaksi pembayaran melalui Channel-e atau Kad Kredit semasa anda/wakil meminjam pakaian akademik di Kompleks Akademik Pusat pada tarikh yang ditetapkan.								
8.	()	pakaian akademik yang dipinjam adalah betul dan berkeadaan baik/sempurna.								
9.	()	Taklimat dan Raptai Majlis Konvokesyen Ke-38 <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Tarikh</th> <th style="text-align: center;">Sesi</th> <th style="text-align: center;">Masa</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="2" style="text-align: center;">29 Oktober 2014 (Rabu)</td> <td style="text-align: center;">1,2,3 dan 4</td> <td style="text-align: center;">9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">5,6,7 dan 8</td> <td style="text-align: center;">2.30 petang hingga 5.00 petang</td> </tr> </tbody> </table>	Tarikh	Sesi	Masa	29 Oktober 2014 (Rabu)	1,2,3 dan 4	9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari	5,6,7 dan 8	2.30 petang hingga 5.00 petang
Tarikh	Sesi	Masa								
29 Oktober 2014 (Rabu)	1,2,3 dan 4	9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari								
	5,6,7 dan 8	2.30 petang hingga 5.00 petang								
10.	()	membawa kad sebutan nama (bagi graduan) dan kad jemputan (bagi tetamu graduan) semasa menghadiri Majlis Konvokesyen.								
11.	()	tiba lebih awal sebelum majlis bermula.								
12.	()	pakaian graduan dan tetamu graduan menepati etika berpakaian yang ditetapkan.								
13.	()	pakaian akademik dipulangkan <u>mulai 1 November 2014 hingga 8 November 2014</u> . Denda akan dikenakan kepada graduan yang lewat memulangkan pakaian akademik mulai tarikh 10 November 2014 mengikut kadar yang ditetapkan.								

15.	()	menerima pengesahan pakaian akademik yang dipinjam telah dipulangkan; dan
16.	()	membawa borang pemulangan pakaian akademik semasa mengambil skrol/transkrip.

- Lampiran 1A dan 1B SUSUNAN GRADUAN MENGIKUT PROGRAM DAN SESI**
Lampiran 2 TARIKH-TARIKH PENTING
Lampiran 3 SENARAI SEMAK GRADUAN
Lampiran 4 PETA LALUAN DAN TEMPAT LETAK KENDERAAN IBU BAPA
Lampiran 5 PELAN LANTAI DEWAN

LAMPIRAN 5

PELAN LANTAI DEWAN BESAR
PUSAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

